

**JABATAN KERJA RAYA
 KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tawaran	Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat*	Gred, Kategori & Pengkhususan	Penjualan Tender Dalam Talian (Online)	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
JKR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS	<p>PENYIAPAN BAKI KERJA PEMBINAAN GUDANG HALAL EKSIBIT HALAL, NEGERI SEMBILAN</p> <p>No. Tender : JKR/DT/P/008/2022</p>	<p>TENDER TERBUKA</p> <p>T1 - Syarikat 100% Tempatan</p>	<p>Gred : G6 Ke Atas Kategori : B Pengkhususan : B04</p> <p>Berdaftar dengan CIDB, SPKK & PKK</p> <p>PELAWAAN TENDER INI HANYA TERBUKA KEPADA PETENDER YANG MEMPUNYAI SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP OLEH "KKR" DALAM GRED G6 DAN KE ATAS KATEGORI B SAHAJA</p>	<p>Petender WAJIB MENDAFTAR di Google Form BORANG SARINGAN WAJIB di pautan https://jkrns.ns.gov.my/tender-sebutharga2/kenyataan-tawaran-tender bermula dari</p> <p>Tarikh: 26 Jun 2022 hingga 30 Jun 2022</p> <p>Hanya petender yang layak dan telah mengemukakan slip bayaran akan menerima nama pengguna beserta kata laluan atau pautan muat turun melalui e-mel untuk memuat turun Dokumen Tender daripada Jcloud bermula dari :</p> <p>Tarikh: 17 Julai 2022 hingga 31 Julai 2022</p>	<p>Harga Dokumen: RM 300.00</p> <p>Bayaran secara JomPAY sahaja</p> <p>Bayaran Atas Nama: JKR NEGERI SEMBILAN - Akaun Terimaan</p>	<p>Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Sembilan Darul Khusus, Tkt. 2, Blok B, Wisma Negeri, 70990 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.</p> <p>Tarikh Tutup Tender: 8 Ogos 2022</p> <p>Waktu Tutup Tender: 5.00 Petang</p>
<p>Taklimat tender dan lawatan tapak adalah WAJIB dan akan diadakan di Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC), No. 1 Persiaran Teknologi 1, Lebuhraya Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada 06 Julai 2022 pukul 10.30 pagi</p>						

Hanya petender yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan melepasi saringan, layak menyertai sesi taklimat tender dan lawatan tapak. Kontraktor syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan atau PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada penama yang tercatat di dalam sijil atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa SURAT WAKIL dan sijil ASAL PPK, SPKK, Taraf Bumiputera atau PUKONSA atau UPKJ berserta SATU SALINAN sijil-sijil tersebut.

Dokumen Tender boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Petender sebelum atau pada 5.00 petang 8 Ogos 2022. Segala urusan petender sama ada secara serahan tangan ataupun menggunakan syarikat perkhidmatan kurier hendaklah sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure - SOP) Perintah Kawalan Pergerakan pada sepanjang masa.

Dokumen Meja Tender boleh disemak di pejabat tempat dokumen tender dijual semasa waktu pejabat. Petender dinasihatkan supaya merujuk laman web JKR Negeri Sembilan di pautan <https://jkrns.ns.gov.my/tender-sebutharga2/kenyataan-tawaran-tender> dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan atau ralat terkini.

* Jenis Syarikat Tempatan :

T1 - Syarikat 100% milik tempatan.

A1 - Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.